



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
 مجلس بندراءي بتالنج جايا



# PANDUAN PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM DO-IT-YOURSELF (EKSA DIY) MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

*"Persekutuan Kondusif  
Inovasi Produktif"*

**EKSA**  
(Ekosistem Kondusif Sektor Awam)  
MAJLIS BANDARAYA  
PETALING JAYA



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

@ Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.  
Cetakan Pertama 2021.

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, pengambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Reka Bentuk dan Urus Cetak:

Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Tingkat 1, Ibu Pejabat MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin,  
46675 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

## RASIONAL

Logo ini telah direka dengan bertemakan elemen kehijauan sejajar dengan Ekosistem semulajadi. Secara keseluruhan indentiti logo ini adalah berteraskan kepada daun, bangunan, tempat rekreasi yang berbentuk abstrak. Disamping itu terdapat huruf MBPJ, diterapkan diatas huruf EKSA seangkatan daripada Ekosistem Kondusif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA DIY) bagi kesinambungan logo secara keseluruhannya.

Lengkung bulatan ini pula merupakan satu bentuk yang mengelilingi seperti bentuk muka bumi yang juga berbentuk satu pasukan dan kerjasama diantara satu sama lain dalam sesebuah sektor awam secara kondusif.

- Hijau - Hijau warna pembangunan alam sekitar dan kehidupan
- Biru - Biru pula warna perpaduan, ketenangan dan keteguhan.
- Merah - Merah warna melambangkan kemakmuran



# ISI KANDUNGAN

Pengenalan	2
BAB 1 - Tujuan	3
BAB 2 - Penjenamaan Semula Amalan 5S	4
BAB 3 - Elemen Baharu	6
BAB 4 - Pelaksanaan EKSA	12
BAB 5 - Pengauditan EKSA	18
BAB 6 - Pelaksanaan Audit Dalam	21
BAB 7 - Pensijilan EKSA	22
BAB 8 - Faedah Pelaksanaan <i>EKSA DIY</i>	24
BAB 9 - Kunci Kejayaan <i>EKSA DIY</i>	25
BAB 10 - Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan <i>EKSA DIY</i>	26
Penutup	47
Lampiran I - Komponen Penilaian EKSA	48
Lampiran II - Contoh Amalan Baik EKSA	143



# PENGENALAN

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Inisiatif amalan EKSA mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia.

Langkah penjenamaan semula ini sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam.

Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dilaksanakan pada tahun 2017. Penerbitan buku Panduan EKSA Cetakan 2017 merupakan inisiatif kualiti untuk menerapkan budaya penambahbaikan dan mengutamakan aspek penjimatan iaitu elemen GO GREEN.

Buku panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA DIY) disediakan sebagai penambahbaikan kepada buku panduan EKSA cetakan 2017. Penerbitan buku ini diharap dapat memantapkan lagi pengurusan persekitaran pejabat sehingga semua warga MBPJ dapat bekerja dalam persekitaran tempat kerja yang sistematik, selesa dan kondusif.

# BAB 1

## TUJUAN

Jabatan/agensi sektor awam digalakkan untuk menyediakan panduan EKSA yang khusus untuk kegunaan di jabatan/agensi masing-masing bagi menerangkan pelaksanaan EKSA dengan lebih fokus. EKSA juga harus dilihat sebagai satu program yang menggalakkan jabatan/ agensi sektor awam agar lebih kreatif dan inovatif dalam usaha mewujudkan persekitaran kerja yang sesuai dan mampu meningkatkan produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan.

Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada semua Jabatan/Unit Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA *DIY MBPJ*). Melalui panduan ini juga, diperjelaskan konsep EKSA *DIY*, elemen-elemen baharu yang diperkenalkan, tindakan yang perlu diambil pada setiap peringkat pelaksanaan, kaedah pengauditan yang diguna pakai dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA *DIY*).



# BAB 2

## PENJENAMAAN SEMULA AMALAN 5S

Ekosistem Konduatif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA DIY) merupakan penjenamaan semula Amalan 5S yang telah diguna pakai dalam sektor awam sejak tahun 2010. Berikut adalah amalan 5S Sektor Awam.

### AMALAN 5S SEKTOR AWAM

<b>SISIH</b>	Merupakan pengasingan dan pelupusan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja.
<b>SUSUN</b>	Peralatan dengan teratur, kemas, berkesan, selamat dan mudah dicapai.
<b>SAPU</b>	Untuk memastikan ruang tempat kerja atau peralatan bersih daripada habuk/debu yang boleh menjelaskan fungsi peralatan, kualiti produk dan kesihatan.
<b>SERAGAM</b>	Bermaksud keadaan, sebentuk dan sewarna sama ada pada ciri-ciri, susun atur atau peraturannya.
<b>SENTIASA AMAL</b>	Ialah usaha mengekalkan 4 amalan 5S iaitu sisih, susun, sapu dan seragam di samping melaksanakan penambahbaikan berterusan di jabatan/agensi masing-masing.

## PENJENAMAAN SEMULA AMALAN 5S

Komponen utama dalam pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA *DIY*) masih berteraskan Amalan 5S yang ditambah baik di samping penambahan beberapa elemen baharu. Ekosistem Kondusif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA *DIY*) bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang diamalkan sebelum ini, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Amalan 5S ditambah baik dengan menambah lima elemen baharu, amalan EKSA *DIY* iaitu:

- Imej Korporat;
- Kreativiti dan Inovasi;
- Amalan Hijau
- Persekutuan Kondusif; dan
- Kepelbagai Jabatan/Unit.

Objektif utama penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam *Do-It-Yourself* (EKSA *DIY*) adalah untuk membolehkan Jabatan/Unit Majlis Bandaraya Petaling Jaya kerajaan:



# BAB 3

## ELEMEN BAHARU :

- Imej Korporat
- Kreativiti dan Inovasi
- Amalan Hijau
- Persekutuan Kondusif
- Kepelbagaian Jabatan/Unit



Keadaan Bersih, Selesa dan Berimej Korporat.



Penampilan Imej Korporat di Kaunter




Susun Atur Perabot yang Kemas

**Imej Korporat** merujuk kepada identiti atau persepsi pelanggan/pihak berkepentingan terhadap persekitaran, tindakan dan pencapaian sesebuah organisasi. Nilai, etika dan norma kerja yang seragam dalam kalangan warga kerja amat diperlukan untuk mewujudkan budaya korporat yang positif. Selain ciri-ciri ini, EKSA *D/Y* juga turut menitikberatkan aspek keselamatan persekitaran di setiap jabatan/unit di MBPJ.

## ELEMEN BAHARU :

- Imej Korporat
- Kreativiti dan Inovasi
- Amalan Hijau
- Persekutuan Konduatif
- Kepelbagaiannya Jabatan/Unit

Dalam usaha untuk mempertingkatkan produktiviti di tempat kerja, EKSA DIY menggalakkan warga jabatan/unit membudayakan elemen **kreativiti dan inovasi** semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Persekutuan sektor awam yang sering kali berubah mengikut peredaran masa menuntut pewujudan budaya organisasi yang dinamik berdasarkan kreativiti dan inovasi. Warga jabatan/agensi digalakkan untuk sentiasa berfikir di luar kotak (out of the box) untuk menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat.



Tempat Simpanan Alat Tulis yang Kreatif



Pelabelan yang Memudahkan Carian

## ELEMEN BAHARU :

- Imej Korporat
- Kreativiti dan Inovasi
- **Amalan Hijau**
- Persekutuan Kondusif
- Kepelbagaiannya Jabatan/Unit

Penekanan turut diberikan pada aspek **Amalan Hijau** di pejabat dengan melaksanakan program seperti kitar semula dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga kearah penjimatan sumber. Aktiviti Amalan Hijau diharap dapat diterapkan kepada keseluruhan warga jabatan/unit ke arah penggunaan sumber secara optimum.



Ruang Kitar Semula



Peringatan Penjimatan : Jimat Elektrik



Peringatan Penjimatan : Jimat Kertas

## ELEMEN BAHARU :

- Imej Korporat
- Kreativiti dan Inovasi
- Amalan Hijau
- **Persekutaran Kondusif**
- Kepelbagaijan Jabatan/Unit

**Persekutaran kondusif** adalah penting dalam memperkuuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam. Amalan EKSA *DIY* menggalakkan jabatan/unit sektor awam memberikan penekanan pada penyampaian sistem perkhidmatan, mesra pelanggan dan memberi keselesaan semasa berurusan. Bagi pelanggan orang kurang upaya (OKU), kemudahan yang sesuai harus disediakan.



Kemudahan OKU Disediakan



Ruang Kerja yang Kemas

## ELEMEN BAHARU :

- Imej Korporat
- Kreativiti dan Inovasi
- Amalan Hijau
- Persekutuan Kondusif
- **Kepelbagaian Jabatan/Unit**



Kluster Pentadbiran

EKSA D/Y memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi kriteria generik dan kriteria khusus dengan mengambil kira **kepelbagaian jabatan/unit** mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan yang dipraktikkan sebelum ini iaitu *one size fits all* didapati kurang mencakupi keperluan kepelbagaian jabatan/unit pada masa kini.



Kluster Sosial



# BAB 4

## PELAKSANAAN EKSA DIY

EKSA dapat dilaksanakan secara tersusun melalui pewujudan tadbir urus dan tindakan pengurusan yang mantap merangkumi perkara-perkara seperti yang berikut:


- 1 mewujudkan Jawatankuasa Pelaksana EKSA dan menetapkan pelan tindakan pelaksanaan yang jelas;**
- 2 mewujudkan sektor/zon kerja;**
- 3 mengadakan program latihan; dan**
- 4 mengadakan pelancaran EKSA jabatan/unit.**

Tahap pelaksanaan bagi setiap peringkat tindakan yang diambil seperti pada Rajah 1 perlu dilaporkan secara berkala kepada pengurusan atasan melalui mekanisme yang ditetapkan seperti pada rajah 2. Pemantauan secara berterusan perlu dilakukan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan pada semua peringkat, manakala kajian semula hendaklah dilakukan bagi menentukan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil.



Rajah 1: Langkah Pelaksanaan EKSA DIY

## CARTA PEMANDU JAWATANKUASA PELAKSANA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM



Rajah 2 : Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA



## **LANGKAH 1 : PEWUJUDAN JAWATANKUASA EKSA DENGAN PERANAN YANG JELAS**

### **Penaung/ Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA**

- Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA;
- Membentuk pelan tindakan pelaksanaan EKSA;
- Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan;
- Menentukan belanjawan dan sumber-sumber kewangan;
- Melantik penyelaras, ketua jawatankuasa kecil dan fasilitator;
- Menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan;
- Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan; dan
- Memantau kemajuan pelaksanaan EKSA melalui contoh amalan terbaik.

### **Fasilitator**

- Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli;
- Memastikan semua kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan;
- Menentukan pembahagian zon;
- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana; dan
- Menyelaras dan memantau aktiviti.

### **Penyelaras**

- Menjadualkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA;
- Menyelaras program EKSA;
- Melaporkan kemajuan dan status pelaksanaan EKSA;
- Membantu pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit; dan
- Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan EKSA dalam organisasi.

### **Jawatankuasa Promosi**

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA;
- Mengenal pasti aktiviti/kempen promosi bagi memupuk kesedaran penyertaan untuk menjayakan pelaksanaan EKSA;
- Menganalisis keberkesanannya aktiviti promosi yang telah dilaksanakan; dan
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA di kalangan warga jabatan/agensi.

### **Jawatankuasa Audit**

- Menyediakan kriteria audit dalam EKSA;
- Menentukan kekerapan aktiviti audit dalam EKSA;
- Menyediakan laporan dan analisis keputusan audit dalam EKSA; dan
- Menyemak kriteria audit dalam EKSA dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

### **Jawatankuasa Latihan**

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk budaya EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi;
- Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti EKSA; dan
- Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberikan latihan EKSA secukupnya.

### **Ketua Sektor / Zon**

- Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan;
- Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan EKSA;
- Merancang aktiviti kumpulan;
- Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan EKSA kepada fasilitator; dan
- Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan.



### Ahli-ahli

- Memberikan komitmen secara berterusan dalam pelaksanaan EKSA;
- Menyertai aktiviti EKSA secara aktif;
- Bekerjasama dalam kumpulan; dan
- Menghadiri mesyuarat dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan EKSA.

## LANGKAH 2 : MEWUJUDKAN SEKTOR/ZON EKSA

- i. Mewujudkan kawasan tanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan EKSA.
- ii. Pembahagian sektor/zon hendaklah dijelaskan melalui pelan lokasi sektor/zon bagi memudahkan rujukan.
- iii. Faktor yang perlu diambil kira dalam pembahagian sektor/zon adalah seperti yang berikut:
  - Susun atur keseluruhan sektor/zon dan pembahagian kepada sektor/zon kecil hendaklah bersesuaian mengikut fungsi dan saiz organisasi (dicadangkan jumlah sektor/zon tidak terlalu banyak) bagi memudahkan penyelarasan dan pemantauan yang lebih sistematis dilaksanakan.
  - Menentukan nama kumpulan untuk setiap sektor/zon dan jumlah keahlian kumpulan bagi setiap sektor/zon;
  - Mewujudkan sudut EKSA dengan mempamerkan struktur kumpulan dan sektor/zon dengan mengambil kira hala tuju EKSA di jabatan/agensi; dan
  - Sektor/zon di sesebuah jabatan/agensi haruslah berdasarkan aras/tingkat atau yang mana bersesuaian.





Penyediaan Sudut EKSA

### LANGKAH 3 : LATIHAN

Tujuan latihan EKSA adalah untuk mendalami pengetahuan berkaitan EKSA di samping membudayakan EKSA dalam kalangan warga jabatan/agensi.

### LANGKAH 4 : PELANCARAN EKSA


- i. Pelancaran dan perasmian EKSA boleh diadakan sebagai tanda mula program ini di samping menyampaikan hasrat dan sokongan pengurusan bagi melaksanakan EKSA dalam jabatan/agensi.
- ii. Pihak pengurusan perlu terlibat secara langsung dan memberi komitmen serta sokongan padu kepada pelaksanaan EKSA melalui penetapan sasaran yang ingin dicapai, dasar dan objektif EKSA di samping menentukan matlamat setiap langkah pelaksanaan.
- iii. Antara perkara yang perlu diberikan penekanan semasa pelancaran EKSA adalah seperti yang berikut:
  - dasar EKSA;
  - zon EKSA;
  - objektif EKSA;
  - pelan tindakan pelaksanaan EKSA; dan
  - buku panduan pelaksanaan EKSA.



# BAB 5

## PENGAUDITAN EKSA DIY

Selaras dengan penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam, beberapa kriteria penilaian baharu telah dibangunkan. EKSA memperkenalkan model penilaian baharu yang mengandungi kriteria generik dan kriteria khusus yang mengambil kira kepelbagaiannya premis jabatan/agensi kerajaan mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan yang dipraktikkan sebelum ini iaitu *one size fits all* digantikan dengan model baharu seperti pada Rajah 3.



Rajah 3: Model Baharu Penilaian EKSA

Penilaian Model A adalah berdasarkan kriteria generik manakala penilaian Model B merupakan gabungan antara kriteria generik dan khusus. Kriteria penilaian yang digunakan adalah mengikut kesesuaian jabatan/agensi di mana terdapat 6 komponen kriteria penilaian seperti pada Rajah 4. Kriteria-kriteria yang disusun adalah bersesuaian dengan keperluan yang terdapat di pelbagai jabatan/agensi. Ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan secara menyeluruh dan memenuhi aspek kepelbagaiannya dan perbezaan antara sesuatu jabatan/agensi. Kategori jabatan/agensi yang dinilai adalah seperti pada Rajah 5. Panduan lengkap bagi setiap komponen penilaian dan contoh amalan baik adalah seperti pada **Lampiran I dan II** (m/s 48 & 143).



Rajah 4: Komponen-komponen Penilaian



Ruang Umum yang Kondusif



## PENILAIAN MODEL A

### Bangunan dan Kawasan Sendiri : Komponen A Hingga E1

- Contoh : Stesen Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan  
Bukit Kayu Hitam, Pejabat Daerah dan Tanah Marang dan Pejabat  
Pendidikan Daerah Batang Padang

### Bangunan Sendiri dan Berkongsi Kawasan : Komponen A Hingga E2

- Contoh : Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan  
Malaysia (MAMPU)

### Berkongsi Bangunan dan Kawasan : Komponen A Hingga D

- Contoh : Wisma Persekutuan

## PENILAIAN MODEL B

### Agensi di bawah Kluster Keselamatan Komponen A hingga F

- Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Markas Angkatan  
Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

### Agensi di bawah Kluster Pentadbiran Komponen A hingga F

- Mahkamah, Pusat Latihan, Masjid, Pihak Berkuasa Tempatan,  
Pejabat Kadi

### Agensi di bawah Kluster Sosial Komponen A hingga F

- Hospital, Klinik, Sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam, Politeknik,  
Kolej Komuniti

Rajah 5: Kategori jabatan/unit yang diaudit

# BAB 6

## PELAKSANAAN AUDIT DALAM

Audit Dalam EKSA perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi secara penilaian kendiri. Audit Dalam ini perlu dijadualkan secara berkala untuk memastikan setiap jabatan/agensi membuat penambahbaikan secara berterusan dalam memastikan EKSA sentiasa diamalkan dengan jayanya di sesebuah organisasi.

Audit Dalam dilaksanakan oleh juruaudit yang dilantik oleh jabatan/agensi tersebut. Langkah yang terlibat adalah seperti yang berikut:

### LANGKAH 1 MEMBENTUK PASUKAN AUDIT

- Jawatankuasa Pelaksana EKSA perlu mengenal pasti, melatih dan melantik juruaudit untuk melaksanakan aktiviti Audit Dalam EKSA jabatan/agensi.
- Jawatankuasa Pelaksana ini juga perlu menyediakan kriteria Audit Dalam EKSA dan menentukan kekerapan aktiviti Audit Dalam EKSA.

### LANGKAH 2 LATIHAN AUDIT EKSA

- Pasukan Audit Dalam EKSA hendaklah diberi latihan untuk memastikan urusan audit dalam EKSA dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

### LANGKAH 3 MENGAUDIT PRESTASI EKSA

- Pasukan Audit Dalam akan menjalankan audit seperti yang dijadualkan oleh Jawatankuasa Pelaksana EKSA.

### LANGKAH 4 MENGUMUMKAN PENEMUAN AUDIT

- Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam EKSA hendaklah melaporkan penemuan audit dalam kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA.
- Penemuan turut dimaklumkan kepada ketua dan semua warga jabatan/agensi.



# BAB 7

## PENSIJILAN EKSA DIY

### PERMOHONAN PENILAIAN PENSIJILAN SEMULA EKSA DIY

Permohonan penilaian pensijilan semula EKSA DIY adalah permohonan yang dibuat oleh agensi/ jabatan yang telah memperoleh pensijilan EKSA dan akan tamat tempoh (tempoh sah laku sijil EKSA adalah selama dua tahun dan tarikh tersebut dipaparkan dalam sijil EKSA).

Agensi/ jabatan yang telah memperoleh sijil EKSA perlu mengemukakan Laporan Kendiri dalam tempoh sebulan selepas setahun pensijilan (pada tahun yang tidak diaudit) kepada Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,

Bagi permohonan di atas, tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- i. Permohonan pengauditan EKSA perlu dikemukakan melalui surat rasmi kepada Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor satu bulan (atau lebih) sebelum tamat tempoh sijil EKSA terkini; dan
- ii. Permohonan agensi/ jabatan perlu bersekali dengan dokumen-dokumen seperti berikut:
  - Surat permohonan rasmi agensi/ jabatan;
  - Salinan sijil EKSA terkini;
  - Laporan Audit Dalam sebanyak sekurang-kurangnya dua (2) kali dengan pencapaian melebihi 80 peratus;
  - Pelan lantai zon-zon di agensi/ jabatan; dan
  - Laporan pengungsian bangunan.

Pensijilan akan dikeluarkan oleh MAMPU kepada jabatan/ agensi berkaitan yang berjaya memperoleh markah purata 80 peratus dan ke atas selepas menerima laporan penilaian daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pecahan markah bagi pensijilan adalah seperti berikut:

MARKAH	KATEGORI SIJIL
90.0% - 100.0%	CEMERLANG
80.0% - 89.9%	BAIK



# BAB 8

## FAEDAH PELAKSANAAN EKSA DIY

Pelaksanaan EKSA di jabatan/unit memberikan faedah seperti pada **Rajah 6**.

- Mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti (bersih, kemas dan rapi)
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi
- Mengenal pasti, mengurang dan menghapuskan pembaziran
- Meningkatkan imej jabatan/unit sektor awam
- Menjana idea kreatif dalam kalangan warga jabatan/unit
- Meningkatkan semangat kerja berpasukan
- Meningkatkan disiplin warga jabatan/unit
- Meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan
- Mewujudkan piawaian kerja yang jelas


Rajah 6 : Faedah Pelaksanaan EKSA



# BAB 9

## KUNCI KEJAYAAN EKSA DIY

Kejayaan pelaksanaan EKSA di sesuatu jabatan/unit bergantung pada faktor-faktor seperti pada Rajah 7.



Rajah 7 : Kunci Kejayaan EKSA



# BAB 10

## GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN PELAKSANAAN EKSA DIY

Garis Panduan penyeragaman pelaksanaan EKSA diperingkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya digunakan bagi tujuan memastikan semua jabatan/unit dapat menggunakan elemen penyeragaman untuk dimanfaatkan dan diamalkan oleh warga kerja MBPJ garis panduan ini dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih efektif dan patuh kepada standard yang telah ditetapkan.



# GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN PELAKSANAAN EKSA DIY

## 1) SUDUT EKSA

	Mewujudkan sudut EKSA yang seragam (secara maya)
IMPAK	Maklumat terkini dapat dikongsi kepada semua pelanggan dalaman dan luaran
PERLAKSANAAN	Semua zon

## KESERAGAMAN

a.	Kawalan warna latar belakang sudut EKSA yang sesuai, maksimum 3 tona warna.
b.	Mengelakkan warna-warna terang bagi mengekalkan imej Korporat
c.	<p>Kandungan yang seragam dan mengandungi perkara seperti berikut:</p> <p>Dasar EKSA;</p> <p>Kandungan yang seragam dan mengandungi perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>● Nama Zon;</li><li>● Dasar, Visi, Misi &amp; Objektif EKSA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA;</li><li>● Carta Gantt (Catatan: peringkat zon sahaja);</li><li>● Pelan Lantai (Catatan: peringkat zon sahaja);</li><li>● Carta Organisasi Induk (Catatan: peringkat JK Pemandu sahaja);</li><li>● Carta Organisasi Zon (Catatan: peringkat zon sahaja);</li><li>● Rekod aktiviti (Catatan: Pamerkan gambar sebelum &amp; selepas pelaksanaan sesuatu aktiviti EKSA di zon tersebut serta lengkap bertarikh);</li><li>● Logo EKSA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA;</li><li>● Informasi berkaitan EKSA (Catatan: untuk tujuan promosi).</li></ul> <p>Informasi yang dipamer melibatkan makluman / gambar bagi aktiviti seperti gotong royong, Anugerah/Penghargaan.</p>



Sudut EKSA (Secara Maya)



## 2) FAIL EKSA (ZON)

TUJUAN	Mewujudkan fail EKSA yang seragam
IMPAK	Memudahkan pengenalan terhadap EKSA dan memudahkan tugas menyediakan Fail EKSA
PERLAKSANAAN	Semua zon

## KESERAGAMAN

<b>a</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Menggunakan jenis fail folder putih kulit keras</li> <li>❖ Menggunakan muka depan dan Pemisahan Fail/Separator yang telah diseragamkan dokumen dilabelkan dan disusun dengan cara berikut:</li> </ul>			
	<b>No.</b> <b>KANDUNGAN DOKUMEN</b> <b>INDUK</b> <b>JAWATANKUASA</b> <b>ZON</b>			
a.	Dasar EKSA	✓	✓	✓
b.	Visi & Misi EKSA	✓	✓	✓
c.	Objektif EKSA	✓	✓	✓
d.	Carta Organisasi	✓	✓	✓
e.	Pelan Lantai	✓	✓	✓
f.	Minit Mesyuarat/Nota Perbincangan	✓	✓	✓
g.	Surat Lantikan Jawatankuasa	✓	✓	✓
h.	Pelan Tindakan Aktiviti/Gantt Chart	✓	✓	✓
i.	Laporan Aktiviti	✓	✓	✓
j.	Gambar-gambar aktiviti SEBELUM dan SELEPAS	X	X	✓
k.	Jadual Audit dan Keputusan Audit	✓	X	✓
l.	Maklumat/Arahan Penyeragaman Terkini	✓	X	✓



Fail Folder Putih Kulit Keras



Muka Depan dan Pemisahan Fail/Separator

- ❖ Jabatan / Unit perlu menggunakan jenis fail dan label fail yang telah diseragamkan

### 3) PAPAN KENYATAAN PERGERAKAN PEGAWAI

TUJUAN	
IMPAK	Memudahkan pengesanan kedudukan pegawai
PERLAKSANAAN	Semua unit dan bahagian

#### KESERAGAMAN

a.	Carta pergerakan pegawai (di paparkan di tempat yang sesuai, mudah dilihat) – diselaraskan berdasarkan harian dan mengandungi maklumat berikut :		
	i.	Nama pegawai	
	ii.	Jawatan	
	iii.	Petunjuk	
		Ada	
		Cuti	
		Tugasan luar/berkursus	

#### PAPAN KENYATAAN PERGERAKAN PEGAWAI

Bil	Nama	Jawatan	Pergerakan Pegawai

#### PETUNJUK

	ADA
	CUTI
	TUGASAN LUAR/BERKURSUS

#### 4) LABEL PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (PIC)

TUJUAN	Mengawasi keselamatan, kekemasan dan kebersihan kawasan di bawah seliaan
IMPAK	Pemantauan dan pengawasan dilaksanakan dengan lebih berkesan
PERLAKSANAAN	Semua bilik dan ruang kerja ❖ Seluruh Jabatan/Unit perlu menggunakan pelekat yang telah diseragamkan

#### KESERAGAMAN

a.	Saiz label : 10 cm (Lebar) x 14.5 cm (Tinggi)
b.	Saiz gambar: Ukuran pasport
c.	Tulisan: Arial
d.	Warna latar belakang: Putih.
e.	Ditampal di hadapan pintu kawasan seliaan.
f.	Maklumat pegawai bertanggungjawab.
	• Nama pegawai
	• Nama Lokasi
	• No telefon

10 cm (L) x 14.5 cm (T)



- ❖ Jabatan / Unit perlu menggunakan label pegawai bertanggungjawab yang telah diseragamkan.



5) RUANG KERJA / BILIK PEGAWAI	
TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Bilik akan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan tersusun
PERLAKSANAAN	Semua ruang kerja / bilik pegawai
KESERAGAMAN	
a.	KEW.PA-7 disediakan dan kemas kini.
b.	Pelan lantai dan etika penggunaan bilik fail disediakan dan dipamerkan di ruang yang mudah dilihat.
c.	Meja kemas dan peralatan disusun dengan baik.
d.	Tanda nama dan jawatan pegawai diletakkan di ruang kerja / pintu bilik pegawai mengikut kesesuaian.
e.	Menyediakan perhiasan minimum selaras dengan imej korporat.
f.	Satu (1) tray surat (jika ada) dan dilabelkan masuk/keluar/simpan dalam perhatian (SDP).
g.	Fail-fail aktif/diari/organizer disusun dengan kemas dan teratur pada setiap masa.
h.	Fail disusun mengikut kaedah yang ditetapkan oleh unit/bahagian di dalam kabinet fail dan dilabelkan mengikut format yang seragam.
i.	Sekiranya pegawai dibekalkan kabinet fail, kabinet fail perlu dilabelkan dengan kemas dan teratur.
j.	Kerusi tetamu dan kerusi kerja disusun rapi apabila tidak digunakan.
k.	Kerusi sentiasa berada dalam keadaan baik, selesa dan bersih.
l.	Hanya sehelai (1) blazer/selendang boleh disangkut dengan kemas di belakang kerusi.
m.	Wayar/kabel elektrik disusun kemas dengan dan diikat dengan menggunakan pengikat kabel atau ditutup dengan menggunakan casing.
n.	CPU dan pedestal bergerak (sekiranya ada) ditempatkan secara teratur dan seragam (mengikut kesesuaian).
o.	Komputer dan pencetak berada di dalam keadaan baik, tidak berhabuk dan boleh digunakan.
p.	Komputer ditutup selepas habis waktu bekerja.
q.	Wallpaper dan screen saver desktop komputer/ komputer riba diseragamkan selaras dengan ISMS
r.	Menetapkan ruang kasut (jika perlu) bagi meletakkan tidak lebih dari dua (2) pasang kasut.

s.	Pegawai dibenarkan untuk menempatkan maksimum dua (2) buah kotak bersaiz A4 di bawah meja pegawai sebagai ruang simpanan sementara. Kotak hendaklah dibalut dengan kemas dan di selenggara secara berkala.
t.	Pegawai hendaklah memastikan terdapat ruang yang secukupnya untuk meletakkan kaki dengan selesa di bawah meja.
u.	Pegawai dibenarkan untuk mewujudkan satu (1) sudut mini untuk tapak hiasan.



## 6) PENGURUSAN LACI MEJA

TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Laci sentiasa berada dalam keadaan bersih dan tersusun
PERLAKSANAAN	Semua laci meja di ruang kerja individu

### KESERAGAMAN

1.	Sekiranya pegawai dibekalkan dengan laci meja, penggunaan ruang laci boleh seperti berikut
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Laci paling atas dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai.</li></ul>
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Laci tengah diguna bagi menempatkan dokumen – dokumen rasmi.</li></ul>
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Laci bawah diguna bagi menempatkan alatan/barang peribadi.</li></ul>
	* Sekiranya bilangan laci meja yang dibekalkan tidak seragam (kurang atau lebih) maka keutamaan penyimpanan ialah kepada peralatan kegunaan harian pejabat seperti alat tulis, buku catatan dan dokumen rasmi.

8 cm (L) x 3 cm (T)



❖ Jabatan/Unit perlu menggunakan pelekat yang telah diseragamkan

## 7) STOR

TUJUAN	Mewujudkan keadaan stor yang tersusun rapi dan kemas
IMPAK	Peralatan di stor mudah diperolehi
PERLAKSANAAN	Stor Utama & Stor Unit

### KESERAGAMAN

a.	KEW.PA-7 disediakan dan dipamerkan.
b.	Pelan lantai stor dan etika penggunaan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
c.	Peralatan sokongan pengurusan stor seperti tangga mudah alih dan troli berada dalam keadaan baik dan diletakkan di tempat khas.
d.	Semua barang/stok di dalam stor disusun dengan kemas dan teratur.
e.	Semua stok disusun dengan teratur supaya tidak menghalang kerja - kerja pemunggahan dan laluan.
f.	Stok disusun mengikut tanda/label/abjad yang bersesuaian mengikut tarikh pengeluaran atau tarikh kemasukan ke stor dan dikeluarkan untuk kegunaan mengikut kaedah “First-In-First-Out” (FIFO).
g.	Stok disimpan mengikut keadaan atau jenis barang dan tertakluk kepada prosedur pengurusan stor yang sedang berkuat kuasa (Contoh: bilik hawa dingin atau peti sejuk untuk stok yang memerlukan suhu rendah dan barang - barang toksik disimpan dengan kemas dan menggunakan peralatan sepatutnya termasuk peralatan sokongan).
h.	Semua pergerakan barang masuk dan keluar dari stor direkodkan dengan kemas dan teratur.
i.	Sudut informasi (Contoh: tatacara permohonan barang) boleh diwujudkan dan ditempatkan di kawasan yang mudah dilihat.
j.	Tanda amaran “Dilarang Masuk Tanpa Urusan” dipamerkan dengan jelas.
k.	Alat pemadam api yang mempunyai sijil yang berkuat kuasa dan berkeadaan baik ditempatkan di stor.
l.	Kawalan makhluk/haiwan perosak dilaksanakan.



## 8) BILIK MESUARAT / BILIK BINCANG

TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Bilik akan sentiasa berada dalam keadaan bersih, tersusun dan sedia untuk digunakan
PERLAKSANAAN	Semua bilik mesyuarat dan bilik bincang

### KESERAGAMAN

a.	KEW.PA-7 disediakan dan dipamerkan.
b.	Pelan lantai dan etika penggunaan bilik mesyuarat dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
c.	Gambar pemimpin tertinggi negara dipamerkan (mengikut kesesuaian).
d.	Visi dan misi jabatan di pamerkan (mengikut kesesuaian).
e.	Peralatan/kemudahan dalam bilik mesyuarat/bilik perbincangan sentiasa dalam keadaan sempurna dan sedia untuk digunakan.
f.	Maklumat berkaitan mesyuarat dipamerkan di pintu masuk bilik mesyuarat. Contoh: menggunakan papan tanda slot.
g.	Papan putih (white board) dibersihkan setelah selesai digunakan.
h.	Semua peralatan elektrik dan elektronik seperti lampu, kipas, aircond, LCD Projektor dan mikrofon dimatikan sebelum meninggalkan bilik mesyuarat/bilik perbincangan.

## 9) TANDAS

TUJUAN	Memberi keselesaan kepada pengguna
IMPAK	Tandas sentiasa dalam keadaan bersih
PERLAKSANAAN	Semua tandas di setiap tingkat

### KESERAGAMAN

a.	Simbol lelaki dan perempuan dilabelkan pada pintu masuk.
b.	Jimatkan penggunaan air (pada sinki dan pili paip) <b>GO GREEN</b> .
c.	Etika penggunaan tandas dipamerkan.
d.	Papan tanda dipamerkan bagi "Kawasan larangan merokok".
e.	Jadual penyelenggaraan kebersihan sentiasa kemas kini.
f.	Arahan/kaedah penggunaan peralatan di dalam tandas dipamerkan dengan jelas (mengikut kesesuaian).

## 10) KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN DAN RUANG MENUNGGU

TUJUAN	Kaunter penyambut khidmat pelanggan dan ruang menunggu sentiasa bersih dan kemas
IMPAK	Memberi keselesaan kepada petugas dan pelanggan
PERLAKSANAAN	Kaunter khidmat pelanggan dan ruang menunggu

### KESERAGAMAN

a.	Tempat duduk disediakan di ruang menunggu untuk kemudahan pelanggan/tetamu luar.
b.	Peralatan/ kemudahan/ perabot di ruang menunggu disusun dengan teratur dan berada dalam keadaan baik.
c.	Kawasan persekitaran ruang menunggu tetamu sentiasa bersih dan kemas.
d.	Kemudahan tanda arah/ petunjuk dipamerkan dengan jelas di kawasan yang mudah dilihat.
e.	Borang dan kotak aduan serta borang maklum balas pelanggan disediakan di tempat yang sesuai.

## 11) SURAU/BILIK SOLAT

TUJUAN	Memberi keselesaan kepada pengguna
IMPAK	Ruang solat atau surau sentiasa kemas dan teratur
PERLAKSANAAN	Surau dan bilik solat

### KESERAGAMAN

a.	Pelan lantai dan etika penggunaan surau/bilik solat dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
b.	Sejadah dan telekung dilipat dengan kemas dan dikembalikan ke tempat asal setelah digunakan.
c.	Buku-buku/bahan bacaan agama sentiasa disusun kemas dan teratur di dalam almari/kabinet/rak yang disediakan.
d.	Selipar/kasut disusun dengan rapi dan kemas pada tempatnya.
e.	Jadual waktu solat disediakan untuk panduan masuk waktu solat bagi pengguna surau /bilik solat.



## 12) PANTRI

TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Sentiasa bersih dan selesa
PERLAKSANAAN	Semua pantri

### KESERAGAMAN

a.	Borang Kew PA 7 disediakan dan dikemas kini.
b.	Pelan lantai dan etika penggunaan pantri dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
c.	Semua peralatan/perabot dan perkakas disusun dengan kemas dan teratur setelah digunakan.
d.	Perkakas/alatan yang disimpan di dalam kabinet/almari/rak dilabelkan dengan nama perkakas dan diseragamkan mengikut kesesuaian.
e.	Perkakas/alatan yang minimum seperti peti sejuk, ketuhar gelombang mikro, cerek elektrik dan water dispenser boleh disediakan di pantri.
f.	Kain lap sentiasa dicuci selepas digunakan.
g.	Singki sentiasa dibersihkan, dipastikan tidak tersumbat dan tiada sisa makanan.
h.	Meja makan perlu dialas dan berkeadaan bersih.
i.	Bahan makanan seperti gula, susu dan sebagainya diletakkan dalam bekas bertutup.
j.	Tong sampah disediakan dan ditutup.
k.	Suis peralatan elektrik ditutup setelah digunakan.
l.	Satu sudut informasi untuk mempamerkan jadual tugas pembersihan, prosedur penggunaan peralatan, pemberitahuan ataupun arahan yang berkaitan boleh diwujudkan (jika perlu).
m.	Sisa makanan hendaklah dibuang ke dalam tong sampah di luar bangunan sebelum tamat waktu bekerja pada setiap hari.

### 13) LOBI UTAMA

TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Sentiasa bersih dan selesa
PERLAKSANAAN	Lobi utama

#### KESERAGAMAN

a.	Semua peralatan di lobi utama sentiasa disusun kemas dan berkeadaan baik.
b.	Laluan-laluan umum bersih dan tidak dihalang dengan sebarang halangan seperti barang/ peralatan yang boleh mengganggu laluan umum.
c.	Maklumat seperti pelan strategik/visi/misi/piagam pelanggan dan lain-lain sentiasa dikemas kini dan dipaparkan di tempat yang mudah dilihat.

### 14) BILIK FAIL

TUJUAN	Mematuhi arahan keselamatan
IMPAK	Meningkatkan keselamatan bilik fail
PERLAKSANAAN	Semua bilik fail

#### KESERAGAMAN

a.	Borang Kew PA 7 disediakan dan dikemas kini.
b.	Pelan lantai dan etika penggunaan bilik fail disediakan dan dipamerkan di ruang yang mudah dilihat.
c.	Kabinet fail dilabelkan mengikut jenis dokumen dan nombor indeks/rujukan.
d.	Fail disusun dengan kemas dan teratur mengikut turutan nombor siri fail dan boleh dicapai dalam tempoh masa 30 saat.
e.	Fail disusun semula di tempat asal selepas digunakan.
f.	Fail-fail terperingkat yang digunakan disimpan di dalam kabinet besi berpalang indeks bagi fail-fail terperingkat tidak dilekatkan di luar kabinet.
g.	Sistem pergerakan fail perlu diwujudkan bagi tujuan pengesanan fail yang sedang digunakan (Contoh: kad daftar pengguna dan kad keluar masuk fail).
h.	Senarai nama pegawai yang dibenarkan untuk mengendalikan fail terperingkat dipamerkan.
i.	Kawalan makhluk/haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.



## 15) PERPUSTAKAAN/PUSAT SUMBER

TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Memberi keselesaan kepada pengguna
PERLAKSANAAN	Perpustakaan/pusat sumber

### KESERAGAMAN

a.	Perpustakaan/pusat sumber sentiasa berkeadaan bersih dan kemas.
b.	Pelan lantai dan etika penggunaan perpustakaan/pusat sumber dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
c.	Buku disusun dengan teratur dan mudah untuk dicapai.
d.	Peralatan/kemudahan yang disediakan hendak berkeadaan baik dan sedia untuk digunakan.
e.	Kemudahan tanda arah/maklumat keterangan dan petunjuk disediakan dan mudah dilihat.
f.	Perpustakaan/pusat sumber sentiasa berkeadaan bersih dan kemas.

## 16) KAFETERIA/DEWAN MAKAN

TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Memberi keselesaan kepada pengguna
PERLAKSANAAN	Kafeteria/dewan makan

### KESERAGAMAN

a.	Peralatan/kemudahan kafeteria/dewan makan yang disediakan kepada pelanggan sentiasa bersih, mencukupi dan boleh digunakan.
b.	Kaunter bayaran kafeteria sentiasa bersih dan kemas.
c.	Kaunter hidangan makanan sentiasa bersih dan kemas.
d.	Singki basuh tangan sentiasa bersih, tidak tersumbat, dan bebas dari sisa makanan.
e.	Maklumat berkaitan menu dan harga makanan dipamerkan di tempat yang mudah untuk dilihat (jika berkenaan).

## 17) DEWAN

TUJUAN	Penambahbaikan berterusan
IMPAK	Memberi keselesaan kepada pengguna
PERLAKSANAAN	Dewan besar/dewan kuliah utama

### KESERAGAMAN

a.	Dewan besar/dewan kuliah utama sentiasa berada di dalam keadaan bersih dan kemas.
b.	Peralatan/ kemudahan dalam dewan besar/dewan kuliah utama berkeadaan baik dan sedia untuk digunakan.
c.	Kemudahan tanda arah/keterangan petunjuk yang disediakan dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat.

## 18) KESELAMATAN PERSEKITARAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)

TUJUAN	Mematuhi peraturan keselamatan
IMPAK	Meningkatkan keselamatan di MBPJ
PERLAKSANAAN	Semua unit dan bahagian

### KESERAGAMAN

a.	Arahan keselamatan disediakan.
b.	Latihan pengungsian bangunan diadakan.
c.	Tanda amaran disediakan.
d.	Pelan laluan kecemasan dan tempat berkumpul disediakan serta dipamerkan.
e.	Tanda arahan kecemasan disediakan di setiap tempat yang strategik.
f.	Lampu kecemasan yang mudah dilihat, berfungsi dengan baik dan tiada halangan disediakan (jika berkaitan).



## 19) KESELAMATAN PERSEKITARAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN (PERALATAN PENCEGAHAN KEBAKARAN)

TUJUAN	Mematuhi peraturan keselamatan
IMPAK	Meningkatkan keselamatan di MBPJ
PERLAKSANAAN	Semua unit dan bahagian

### KESERAGAMAN

a.	Penyelenggaraan secara berkala dilakukan.
b.	Tatacara penggunaan disediakan.
c.	Sentiasa dalam keadaan bersih.
d.	Diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah dicapai.
e.	Peralatan masih belum tamat tempoh.



- ❖ Jabatan/Unit perlu menggunakan pelekat tatacara penggunaan Alat Pemadam Api yang telah diseragamkan

## **20) KESELAMATAN PERSEKITARAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN (LALUAN KECEMASAN)**

TUJUAN	Mematuhi peraturan keselamatan
IMPAK	Meningkatkan keselamatan di MBPJ
PERLAKSANAAN	Semua unit dan bahagian

### **KESERAGAMAN**

a.	Pastikan pintu rintangan api sentiasa ditutup.
b.	Tanda arah KELUAR dipaparkan dengan jelas.
c.	Tangga laluan kecemasan tidak dihalang dengan sebarang objek/alatan/bahan yang boleh mengganggu pergerakan di laluan kecemasan.
d.	Tanda - tanda amaran keselamatan dipaparkan dengan jelas.

## **21) KESELAMATAN PERSEKITARAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN (PENDAWAIAN ELEKTRIK/ KABEL)**

TUJUAN	Mematuhi peraturan keselamatan
IMPAK	Meningkatkan keselamatan di MBPJ
PERLAKSANAAN	Semua unit dan bahagian

### **KESERAGAMAN**

a.	Pastikan pendawaian elektrik/telefon/kabel/komputer/mesin peralatan dalam keadaan kemas, teratur dan selamat.
b.	Pastikan palam setiap jenis peralatan elektrik dilabel pada palam atau wayar bukan soket elektrik.
c.	Pastikan semua palam dan soket barang elektrik ditutup sebelum meninggalkan pejabat.
d.	Tanda-tanda amaran keselamatan dipaparkan dengan jelas.



## **22) KESELAMATAN PERSEKITARAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN (LAMPU DAN SOKET)**

TUJUAN	Mematuhi peraturan keselamatan
IMPAK	Meningkatkan keselamatan di MBPJ
PERLAKSANAAN	Semua unit dan bahagian

### **KESERAGAMAN**

- a. Pastikan semua lampu bersih, berfungsi dan berada dalam keadaan yang baik.
- b. Pastikan soket elektrik berfungsi dan berada dalam keadaan yang baik.
- c. Pelan lampu disediakan bagi memudahkan pengesanan (jika melebihi 2 suis).

## **23) TINDAKAN PENJIMATAN/GO GREEN**

TUJUAN	Mematuhi peraturan keselamatan
IMPAK	Meningkatkan keselamatan bilik fail
PERLAKSANAAN	Semua bilik fail

### **KESERAGAMAN**

- a. Melaksanakan program penjimatan tenaga/sumber secara menyeluruh yang merangkumi perkara - perkara berikut:
  - i. Notis/ arahan penjimatan tenaga
  - ii. Penetapan suhu optimum
  - iii. Penjimatan kertas
  - iv. Penjimatan air
  - v. Kempen hijau
  - vi Tong sampah (Plastik, Kertas, Kaca)
- b. Melaksanakan program kitar semula.


c.	Menyediakan analisis penjimatan yang bersesuaian seperti:	
i.	Kos	
ii.	Masa	
iii.	Ruang	

10 cm (L) x 10 cm (T)



Pelekat Kitar Semula

7 cm (L) x 7 cm (T)



Pelekat Jom Jimat

- ❖ Jabatan/Unit perlu menggunakan pelekat Jimat & Kitar semula yang telah diseragamkan

## 24) KREATIVITI DAN INOVASI

TUJUAN	Meningkatkan kesedaran kakitangan dan orang awam mengenai EKSA
IMPAK	Menjimatkan kos
PERLAKSANAAN	Semua unit dan bahagian

### KESERAGAMAN

a.	Melaksanakan inovasi atau amalan baik yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja warga MBPJ.
b.	Melaksanakan program kreativiti dan inovasi seperti menggunakan barang terpakai untuk menghasilkan hiasan.

# PENUTUP

Melalui pelaksanaan EKSA *D/Y*, diharapkan jabatan/unit memperoleh manfaat dan faedah yang positif, iaitu bekerja dalam persekitaran yang kondusif seterusnya dapat meningkatkan produktiviti organisasi masing-masing.

Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan EKSA *D/Y* boleh diajukan kepada Seksyen Korporat dan Inovasi :

E-mel : norain@mbpj.gov.my  
Telefon : 03-7960 0716  
Faks : 03-7960 0654



***"Persekitaran Kondusif  
Inovasi Produktif"***

**EKSA**  
(Ekosistem Kondusif Sektor Awam)  
MAJLIS BANDARAYA  
PETALING JAYA



# LAMPIRAN I

## KOMPONEN PENILAIAN EKSA



KOMPONEN GENERIK		KOMPONEN A					MARKAH
KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	A1) Dasar EKSA	1	2	3	4	5	
1	Menyediakan garis panduan selaras dengan Dasar EKSA agensi.	Garis panduan tidak disediakan	Garis panduan disediakan kepada semua sebahagian warga agensi	Garis panduan disediakan kepada semua warga agensi			
